

16/10/2001

Kerajaan tiada cadangan pinda perlembagaan

Ibrahim Muhamad

DUNGUN, Isnin - Kerajaan tidak bercadang meminda perlembagaan negara walaupun Malaysia diisytiharkan sebagai sebuah negara Islam, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sehubungan itu, tidak perlu pemimpin Umno melayan mana-mana pihak yang ingin mengadakan muzakarah dan berdialog mengenai perkara berkenaan.

"Soal Pas (mahu berdialog mengenai negara Islam), itu soal merekalah, tak payah mereka berdialog tentang perkara ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri, di Pejabat Umno Bahagian Dungun, di sini, hari ini.

Abdullah berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perjumpaan dengan Biro Agama Umno seluruh negara semalam juga sudah memberi penerangan berkaitan isu berkenaan.

"Islam yang diamalkan di negara ini tidak merugikan mana-mana pihak, bahkan semua rakyat dapat hidup aman, makmur, penuh toleransi dan muhibah," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, orang bukan Islam boleh mengamalkan agama masing-masing dan ini termaktub dalam perlembagaan Malaysia yang diamalkan sejak dulu.

"Orang Islam di negara ini maju dan berjaya, manakala orang bukan Islam juga berjaya dan maju. Dalam pemerintahan kita berkongsi kuasa dan setiap sesuatu peraturan yang hendak dilaksanakan akan dibincangkan dalam Parlimen secara bersama," katanya.

Pada masa yang sama, kata Abdullah, beliau akan berbincang mengenai isu berkenaan dalam setiap perjumpaan dengan pemimpin Umno, termasuk mematahkan hujah pihak tertentu.

"Dalam perjumpaan hari ini saya berpuas hati dengan hujah yang akan dibekalkan kepada pemimpin dan penceramah Umno, untuk membuktikan Malaysia adalah negara Islam.

"Hari ini adalah kali pertama saya membincangkan perkara berkenaan dengan pemimpin tertinggi Umno Terengganu dan memahami keadaan di negeri ini.

"Di Terengganu mungkin tidak sama seperti di negeri lain, ini perlu dijelaskan secara betul sama ada kepada pemimpin Umno dan pemimpin komponen BN lain," katanya.

Sementara itu, mengenai cadangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) supaya Malaysia mewujudkan sebuah badan perisikan bagi melindungi kepentingan negara, Abdullah berkata, Malaysia sudah mempunyai badan berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, ia perlu ditingkatkan dari aspek profesionalisme, peralatan dan pendekatan serta tumpuan kepada keadaan semasa.

(END)